

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**ADAT PRA PERKAHWINAN MASYARAKAT SULUK
MENURUT ISLAM: KAJIAN DI LAHAD DATU SABAH**

*PRE-MARRIAGE TRADITIONS OF SULUK COMMUNITY ACCORDING TO
ISLAM: STUDY IN LAHAD DATU SABAH*

Nurul Atiqah Azman¹, Saifulazry Mokhtar^{2*}, Mohd. Sohaimi Esa^{3*}, Kasoma Thia⁴, Mohd Khairi Lebai Ahmad⁵

- ¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: nurul_atiqah_mu21@iluv.ums.edu.my
- ² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my
- ³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: msohaimi@ums.edu.my
- ⁴ Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: kasomathia77@gmail.com
- ⁵ Kolej Tingkatan Enam (Prauniversiti) Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: g-09243566@moe-dl.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024
Revised date: 13.05.2024
Accepted date: 15.06.2024
Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Azman, N. A., Mokhtar, S., Esa, M. S., Thia, K., & Ahmad, M. K. L. (2024). Adat Pra Perkahwinan Masyarakat Suluk Menurut Islam: Kajian Di Lahad Datu Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (36), 464-474.

DOI: 10.35631/IJLGC.936036

Abstrak:

Masyarakat Suluk merupakan salah satu etnik di Sabah yang memiliki budaya dan warisan daripada zaman nenek moyang. Sehingga kini masih wujud segelintir masyarakat di Lahad Datu Sabah yang mengekalkan identiti keaslian adat perkahwinan dalam kehidupan seharian mereka. Terdapat beberapa elemen penting adat pra perkahwinan masyarakat Suluk yang perlu diteliti pelaksanaan mengikut penilaian agama Islam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis adat-adat pra perkahwinan masyarakat Suluk menurut perspektif Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah temubual secara separa struktur dan kaedah kepustakaan. Pemilihan informan adalah berdasarkan golongan yang pernah melaksanakan adat perkahwinan dan golongan tua yang arif berkaitan adat tempatan masyarakat Suluk. Dapatan kajian membuktikan elemen-elemen adat pra perkahwinan masyarakat Suluk terdapat perkara yang bercanggah di dalam akidah dan syariat Islam seperti pemilihan tarikh pada bulan Safar tidak boleh dilaksanakan majlis pertunangan mahupun pernikahan kerana mengelakkan daripada terkena bala dan malapetaka. Akan tetapi wujud juga, adat yang unik dalam identiti masyarakat Suluk yang perlu dikekalkan untuk mengekalkan khazanah adat warisan generasi lampau dan menjadi tradisi untuk generasi milenial kini

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata kunci:**

Islam, Lahad Datu, Pra-Perkahwinan, Sabah, Suluk, Tradisional

Abstract:

The Suluk community is one of the ethnic groups in Sabah that has a culture and heritage from the time of their ancestors. Until now there are still a few communities in Lahad Datu Sabah who maintain the identity of the authenticity of wedding in their daily lives. There are several elements of pre-marriage traditions of the Suluk community that need to be examined by implementation according to the assessment of the Islamic religion. This study aims to analyse the pre-marriage tradition of the Suluk community according to the Islamic perspective. This study uses a qualitative method through a semi-structured interview method and a library method. The selection of the informants is based on those who have performed marriage customs and the elderly who are knowledgeable about local customs related to the customs of the Suluk community. The findings of the study prove that the elements of pre-marriage customs of the Suluk community exist, there are conflicting things in Islamic faith and Sharia. Like the selection of dates in the month of Safar, engagement ceremonies or weddings cannot be held to avoid being affected by plagues and catastrophes. However, there is a unique matter in the identity of the Suluk community that needs to be maintained to preserve the heritage of past generations and become a tradition for the current millennial generation.

Keywords:Islam, Lahad Datu, *Pre-Marriage*, Sabah, Suluk, *Traditional***Pendahuluan**

Adat dan pernikahan adalah budaya hidup yang dijalani dalam kehidupan seharian. Menurut Salleh dan Harun (2015), adat merupakan satu peraturan yang menjadi pegangan masyarakat tradisional dalam memurnikan kehidupan mereka serta tidak mempunyai satu dokumen yang tersusun untuk diikuti atau dipatuhi. Adat merupakan sesuatu yang dipelajari daripada generasi terdahulu dalam masyarakat. Manakala menurut Pullong dan rakan-rakan (2023) pula adat merupakan lambang identiti sesebuah bangsa dimana pengamalannya merupakan satu kebanggaan dan menyifatkannya sebagai warisan turun temurun yang perlu diambil perhatian oleh setiap warganya. Secara asasnya, pengamalan adat yang diamalkan sehingga kini adalah kesan pengaruh keyakinan lampau iaitu kepercayaan animisme dan Hindu. Adat perkahwinan etnik Suluk didahului dengan pelbagai proses bermula dari peringkat merisik hinggalah tamat upacara perkahwinan (Ramlie dan rakan-rakan, 2022). Perkahwinan pula merupakan perkara yang dituntut dalam agama untuk menjaga kehormatan dan memenuhi fitrah manusia.

Negeri Sabah memiliki sebanyak 33 kumpulan pribumi di Sabah yang mempunyai sebanyak 80 dialek dan lebih daripada 50 bahasa yang telah dilaporkan berdasarkan data statistik Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah pada tahun 2015 (Ramlie dan rakan-rakan, 2022). Menurut Jabatan Perangkaan Negara (2010), jumlah suku Suluk yang ada di Sabah adalah seramai 79,205 orang. Taburan tertinggi masyarakat Suluk di Sabah ialah di Sandakan iaitu seramai 22,290 orang dan disusuli dengan beberapa daerah lain seperti Kota Kinabalu iaitu seramai 11,412 orang dan Lahad Datu iaitu seramai 10,709 orang (Rashid, 2015) dalam kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2022). Masyarakat Suluk merupakan salah satu etnik yang terdapat di Sabah yang mempunyai keunikannya tersendiri, mereka memiliki identiti dan adat yang diwarisi

daripada zaman turun temurun. Meskipun peralihan zaman moden berlalu dengan pantas namun terdapat juga sebahagian masyarakat Suluk di Lahad Datu Sabah yang masih mengekalkan identiti dan melaksanakan perkahwinan mengikut adat yang diwarisi daripada zaman nenek moyang.

Walaupun zaman telah berubah ke era teknologi, pengamalan adat pra perkahwinan dalam masyarakat Suluk di Lahad Datu masih bergantung kepada amalan nenek moyang mereka. Tahap keterbergantungan tersebut meliputi seluruh aspek kehidupan mereka termasuklah adat pra perkahwinan. Adat perkahwinan dalam masyarakat Suluk perlu diperhalusi lagi kerana terdapat beberapa adat yang jelas bertentangan dengan kehendak agama Islam dan perlu ditinggalkan serta merta. Justeru itu, kajian ini membincangkan beberapa amalan adat pra-perkahwinan masyarakat Suluk yang masih diamalkan dalam kehidupan seharian mereka serta pengamalan adat tersebut menurut perspektif Islam. Perkara ini penting untuk kita ketahui sama ada adat-adat pra perkahwinan tersebut sejajar dengan syariat Islam ataupun sebaliknya.

Sorotan Kajian

Secara umumnya, pengkaji telahpun merujuk kepada kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan adat-adat yang wujud di Sabah. Kebanyakan para sarjana melaksanakan kajian mengikut bidang dan kepakaran yang mereka perolehi antaranya adalah adat kelahiran, kematian dan perkahwinan. Berdasarkan sorotan ringkas ini hanya memfokuskan berkaitan adat perkahwinan. Kajian Ramlie dan rakan-rakan (2022) bertujuan untuk mengenalpasti naratif adat perkahwinan etnik Suluk di Daerah Kudat. Hasil kajian mereka mendapati terdapat beberapa amalan masyarakat Suluk yang di dapati bertentangan dengan syariat Islam. Antara adalah dari sudut pelaksanaan majlis perkahwinan iaitu wujudnya hiburan acara nyanyian muzik dan tarian *mangalay* yang berlebihan. Pejabat Wilayah Persekutuan (2020) telahpun menetapkan nyanyian dan muzik mengandungi unsur-unsur haram seperti pergaulan bebas, lirik menyanggahi syariat dan aqidah Islam, tarian mengghairahkan, serta melalaikan pendengar adalah ditegah dalam Islam.

Seterusnya adalah kajian Tesis Doktor Falsafah tulisan Salleh (2017) ritual dan simbol dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Sekinchan, Selangor. Di dalam kajian ini pula telah membangunkan sebuah Model Simbol Ritual Adat Perkahwinan (MSRAP) menunjukkan betapa pentingnya peranan ritual sebagai elemen penting untuk mempertahankan budaya dan nilai-nilai warisan di dalam kehidupan. Kajian ini juga mencadangkan untuk mencari dan meneliti unsur-unsur tradisi perkahwinan yang masih belum diangkat ianya telahpun menarik minat pengkaji untuk membuat kajian berkenaan adat perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat Suluk khususnya di Lahad Datu, Sabah.

Kajian Mamat (2000) Adat istiadat perkahwinan orang Melayu lama di Melaka. Tesis ini telahpun mengkaji berkenaan adat istiadat perkahwinan orang Melayu lama yang diamalkan hingga kini di Melaka. Ia melibatkan kajian mengenai sejarah kedatangan Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang mana kedua-dua adat ini berkait rapat dengan adat perkahwinan orang Melayu lama di Melaka. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenai pasti faktor-faktor yang menyumbang ke arah perubahan dalam adat perkahwinan di Melaka pada masa kini.

Seterusnya kajian Abdullah dan Abdullah (2019) mengatakan adat dalam perkahwinan kurang dilaksanakan disebabkan faktor asimilasi budaya, kekangan kewangan dan juga masa. Masyarakat bugis semakin kurang melaksanakan urusan adat kerana banyak yang sudah berhijrah dan merasakan tidak relevan untuk melaksanakan adat di zaman moden kini. Dalam

kajian Buntung dan rakan-rakan (2020) menjelaskan turut berlaku polemik antara adat dan perkara syariat. Wujud perkara yang bertentangan dengan syariat yang dilaksanakan oleh masyarakat Tahol seperti *tamong pengayangan* (tunang angkat), perkahwinan dengan sepupu dan *sogit*. Hasil dapatan kajian mendapati pihak lelaki berhak untuk membawa pulang membawa perempuan dan tinggal di rumah pihak lelaki selepas majlis pertunangan dengan persetujuan perempuan dan keluarga pihak perempuan.

Perkara ini sudah jelas bertentangan kerana menghampiri perbuatan zina, walhal sudah dijelaskan didalam ajaran agama Islam setiap umat Islam wajib menjaga kehormatan dan mengelakkan daripada berlakunya zina.

Sepertimana Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوَائِيَ إِنَّمَا كَانَ فُجْشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)*

(Surah al-Isra' 17: 32)

Selain kajian, berkaitan dengan Adat Perkahwinan Masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Pulau Pinang, Malaysia: Dari Perspektif Islam (Ismail dan rakan-rakan, 2013) juga menyatakan perkahwinan adalah ikatan suci yang dibangunkan untuk memenuhi fitrah manusia. Akan tetapi terdapat pelaksanaan adat yang jelas tidak menepati ajaran Islam kerana terpengaruh dengan amalan budaya Hindu mereka percaya pelaksanaan adat istiadat akan mempengaruhi keharmonian rumah tangga dan keberkatan di dalam kehidupan. Antara perkara yang dilakukan adalah pengantin perempuan memakai thali dan bunga mai bertujuan sebagai simbolik kesucian dan tuah dalam perkahwinan.

Kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2022) menjelaskan masyarakat Suluk memiliki keunikannya yang tersendiri dengan khazanah adat yang diwarisi daripada zaman turun temurun. Hasil dapatan kajian, terdapat amalan adat yang sejajar dengan ajaran Islam dan ajaran yang bertentangan dengan syariat. Antaranya adalah adat memijak abu masyarakat Suluk beranggapan amalan memijak abu ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk menghindarkan ahli keluarga si mati dari gangguan anasir jahat yang mengikut mereka dari tanah perkuburan tersebut. Walhal perkara ini adalah salah dan bercanggah dengan ajaran Islam kerana Islam menyarankan untuk umatnya sentiasa memperingati kematian. Begitu juga dengan amalan adat kulangan / penyediaan tempat tidur mereka beranggapan roh orang yang meninggal akan berkeliaran. Justeru itu disediakan kulangan sebagai tempat istirehat roh tersebut.

Kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021a) turut melihat pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum Suluk dalam pengamalan ritual kematian di Sandakan, Sabah yang menjadi darah daging dalam landskap kehidupan mereka. Hasil kajian ini menemui dua kategori pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam adat dan ritual kematian di Sandakan iaitu adat semasa berlakunya kematian dan adat selepas kematian. Adat-adat yang tergolong dalam adat semasa berlakunya kematian termasuklah adat *panubingan* dan *balu-balu*, adat memandikan jenazah, adat perasapan, adat mengkafankan jenazah, adat *usungan* dan adat pengebumian. Bagi adat selepas kematian pula pengkaji menemui lapan adat yang biasa diaplikasikan oleh masyarakat Suluk iaitu adat pantang larang, adat bersedekah, adat memijak abu, adat menyediakan tempat tidur atau *kulangan*, adat magjaga-jaga, adat menyediakan dulang makanan, adat majlis kenduri dan adat sambutan hari kematian. Dapatan ini jelas

menggambarkan bahawa pengaruh adat dalam masyarakat Suluk masih digunapakai oleh masyarakat sehingga kini.

Bagi kajian Salleh dan Harun (2015), membincangkan tentang fungsi ritual yang terdapat dalam adat pertunangan masyarakat Melayu yang dijalankan di Kampung Seri Kedah, Sungai Leman, Sekinchan, Selangor. Hasil kajian beliau mendapati fungsi ritual dalam istiadat pertunangan masyarakat Melayu di kawasan kajian diklasifikasikan kepada dua iaitu dari sudut simbolik ritual dilaksanakan dan juga utilitarian. Simbolik ritual pertunangan dilaksanakan ialah untuk memperkenalkan kedua-dua pihak lelaki dan perempuan sebelum ikatan kekeluargaan berlaku dalam masyarakat. Manakala fungsi ritual dari sudut utilitarian dalam istiadat pertunangan pula sebagai mengeratkan silaturahim, perpaduan dalam masyarakat, perkongsian kegembiraan dan rezeki.

Menurut Salleh dan rakan-rakan (2021) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai sebuah institusi agama peringkat pusat melalui Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Khurafat dan Azimat telah menyatakan ciri-ciri amalan khurafat adalah sebarang berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus untuk tujuan yang memudharatkan dan menyeleweng dari akidah Islam adalah perkara yang bertentangan dalam Islam. Berdasarkan kepada hasil sorotan kajian yang dijalankan, masih belum terdapat kajian khusus yang dijalankan terhadap adat pra perkahwinan dalam masyarakat Suluk di Lahad Datu, Sabah dan ia sangat relevan dikaji bagi menyekat penularan adat pra perkahwinan yang jauh tersasar dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah.


Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan dua kaedah iaitu kaedah temubual dan juga kepustakaan. Kaedah temubual digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan bentuk amalan adat perkahwinan masyarakat suluk dan mendapatkan pandangan mereka dari sudut perspektif agama Islam. Pemilihan informan ini bergantung kepada individu yang mengamalkan adat tersebut dan juga generasi tua yang memiliki kearifan tempatan. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2019), kaedah ini sesuai digunakan bagi mendapatkan kesahan maklumat serta dapat berinteraksi secara bersemuka dengan informan dalam pengamalan adat pra perkahwinan masyarakat Suluk. Dalam kajian ini temubual secara semi berstruktur telah dilaksanakan iaitu dengan cara soalan yang dikemukakan kepada informan disusun dan dijadualkan namun informan diberikan kelonggaran semasa menjawab soalan yang diajukan (Noah, 2002). Kajian adat pra perkahwinan dalam masyarakat Suluk ini telah dijalankan bermula dari Januari 2024 sehingga Jun 2024 di di Kampung Terusan Hilir dan Kampung Silam Lahad Datu. Informan dipilih berdasarkan kepada pegangan kuat mereka terhadap amalan nenek moyang yang terserlah dalam majlis pra perkahwinan. Manakala kajian kepustakaan turut diaplikasikan bagi mendapatkan sorotan literatur iaitu dengan merujuk bahan-bahan bercetak jurnal ilmiah, tesis, dan akhbar juga buku-buku rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Dapatan dan Perbahasan Kajian

Proses pra perkahwinan mengikut adat masyarakat Suluk terbahagi kepada beberapa elemen penting. Namun fokus utama kajian ini adalah untuk melihat amalan yang sejajar dengan ajaran Islam dan perkara yang bercanggah dari sudut syariat dalam proses pra perkahwinan dalam

masyarakat Suluk di Lahad Datu, Sabah. Rajah 1 berikut adalah ringkasan proses pra perkahwinan yang diaplikasikan oleh Masyarakat Suluk di daerah Lahad Datu, Sabah.



Rajah 1: Proses Pra Perkahwinan Masyarakat Suluk di Lahad Datu, Sabah

Sumber: Kajian Lapangan, 2024

Pag Pasihil (Meninjau/Merisik)

Adat pertama dalam proses pra perkahwinan Masyarakat Suluk di Lahad Datu adalah *Pag pasihil* ataupun adat merisik. Pada kebiasaannya pasangan lelaki masyarakat Suluk di Sabah akan dicarikan calon isteri oleh kedua orang tua mereka. Semasa pemilihan pasangan tersebut si ibu akan mengadakan satu ujian ke atas bakal isteri anaknya iaitu dengan cara meminta anak gadis tersebut tinggal di rumah bakal mertua dan perlu melaksanakan tugas rumah dalam beberapa tempoh waktu. Anak gadis tersebut diarahkan untuk menguruskan kebersihan rumahnya bertujuan untuk menilai sama ada kesanggupan menantu dan kesediaan untuk menempuhi alam rumah tangga bersama anak lelakinya (Mariappan & Porodong, 2012). Adat ini sebenarnya tidak bercanggah dengan kehendak Islam dan ia sangat perlu diamalkan dalam proses pra perkahwinan. Adat ini juga termasuk dalam pendekatan hikmah dalam berkomunikasi (Mokhtar & rakan-rakan 2021c) untuk mengetahui status sebenar anak gadis tersebut.

Hasil temubual bersama informan 3 dan informan 5, proses *pag pasihil* ini adalah bertujuan untuk menanyakan status anak gadis yang mahu dilamar dengan pergi ke rumah dan membawakan sebarang cincin untuk menanyakan sama ada bersetuju atau tidak untuk berkahwin. Lazimnya pihak lelaki perlu membawa duit sebanyak RM 50 sebagai membuka mulut namun jumlah duit tersebut bergantung kepada kemampuan pihak lelaki. Adat merisik ini boleh dikatakan hampir sama dengan amalan dalam masyarakat lain di Sabah seperti etnik Sungai. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021b) adat istiadat pertama yang perlu mereka patuhi adalah adat *jarum menjarum* atau lebih dikenali sebagai adat merisik. Dalam melaksanakan adat *jarum-menjarum* ini, pihak lelaki akan melantik seseorang untuk menjadi wakil dirinya untuk bertandang ke rumah gadis yang hendak dirisik. Melalui proses merisik inilah, pihak lelaki akan membincangkan proses seterusnya iaitu bila tarikh pertunangan dan

pernikahan sekiranya pihak perempuan bersetuju untuk meneruskan perkahwinan. Merisik ini pada kebiasaannya dihadiri oleh datuk, bapa, ibu keluarga perempuan.

Pag Pangasawa (Meminang)

Menurut Din (1991) menjelaskan peminangan adalah apabila pihak lelaki menyatakan kepada pihak perempuan tentang tujuan dan kehendaknya dan ia merupakan mukadimah bagi perkahwinan. Dalam masyarakat Suluk di Lahad Datu, proses kedua selepas adat *pag pasihil* adalah proses meminang iaitu menentukan tarikh pertunangan dan pernikahan. Menurut informan 1, tarikh pertunangan dan pernikahan tidak boleh dilaksanakan pada bulan Safar kerana mereka beranggapan bulan Safar adalah bulan sial. Hal ini demikian kerana, bagi mengelakkan perkahwinan tersebut bertahan lama dan tidak berlaku pergaduhan antara suami dan isteri. Perbincangan akan dilakukan dalam proses *pag pangsama* untuk menetapkan nilai hantaran yang perlu dibawa untuk proses *pag turul taima* (menyerah hantaran/majlis tunang). Antara syarat yang dikemukakan kepada pihak lelaki adalah, perlu menyediakan wang hantaran, wang hangus, *mahligai* ialah sebuah rumah kecil yang berhias dengan makanan tradisi, kuih-muih. Bagi pihak wanita yang sudah khatam al-Quran, biasanya mereka akan menjadikan senaskah al-Quran sebagai hantaran kepada pihaknya. Pihak keluarga perempuan wajib hadir dalam upacara menetapkan mas kahwin dan hantaran pengantin perempuan.

Pag Turul Taima (Menyerah Hantaran/Majlis Tunang)

Tempoh pertunangan yang ditetapkan pada kebiasaannya maksimum selama 1 tahun ini bagi mengelakkan berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini berlaku seperti terputusnya ikatan pertunangan. Informan 1 memaklumkan pada waktu pertunangan tersebut pihak lelaki perlu menyediakan wang belanja kepada pihak perempuan. Sebagai bukti kesanggupan dan lelaki bersedia untuk menggalas amanah menyediakan nafkah kepada pihak perempuan. Disamping itu juga, menurut informan 4 terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi sepanjang pertunangan antaranya adalah pihak lelaki dan perempuan tidak boleh berjumpa secara berdua-duaan dan perlu ditemani oleh orang lain. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada berlaku sebarang fitnah.

Menurut adat Suluk, dalam konsep pertunangan, selain daripada menyediakan wang perbelanjaan, pihak lelaki harus menyediakan kayu api sebagai simbolik tanggungjawab. Selain itu, mengangkat air juga perlu dilaksanakan sebagai tanda budi bahasa disamping perlu menyediakan kelengkapan rumah kepada pihak perempuan. Proses majlis pertunangan pada kebiasaannya dihadiri oleh keluarga terdekat kedua belah pihak keluarga lelaki dan perempuan dan diketuai oleh datuk selaku ketua keluarga. Dalam majlis tersebut penyerahan *sukat ungsud* (barang hantaran) adalah seperti wang tunai bersama empat buah dulang barang hantaran dan sebetuk cincin sebagai tanda ikatan antara pasangan lelaki dan perempuan.

Penilaian Dari Perspektif Islam

Kekayaan khazanah warisan adat masyarakat Suluk tidak dinafikan keunikannya akan tetapi kita juga perlu menilai dari sudut perspektif agama Islam sama ada bentuk amalan adat tersebut adakah sejajar dan boleh diamalkan berdasarkan syariat Islam mahupun tidak. Proses adat *pag pasihil* iaitu saranan untuk bakal menantu tinggal di rumah mertua adalah perkara yang bertentangan dengan persepsi agama Islam. Hal ini demikian kerana, tiada nas yang mengarahkan sekiranya ingin melihat keperibadian seorang wanita itu melalui tinggal bersama dengan keluarga bakal pengantin lelaki. Malahan hadis Nabi Muhammad SAW telahpun meletakkan justifikasi pemilihan seorang isteri itu berdasarkan agamanya.

فَاطْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبْتُ يَدَاكَ

Maksudnya: “Pilihlah perempuan yang beragama nescaya beruntunglah kamu”.

Riwayat al-Bukhari (4802) dan Muslim (1466)

Menurut kajian Ismail dan AR (2017) menyatakan bahawa kriteria utama dalam pemilihan wanita itu perlu disandarkan berdasarkan lima perkara iaitu dari sudut sifat keibuan, memiliki kecantikan paras rupa, mempunyai keturunan yang baik, menguasai ilmu pengetahuan dan memiliki taraf pendidikan yang baik. Pemilihan pasangan merupakan elemen penting dalam menentukan kerukunan keutuhan rumah tangga. Bertepatan dengan sabda Baginda Nabi Muhammad SAW yang berbunyi:

تَنْكِحُ الْمَرْأَةَ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاطْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبْتُ يَدَاكَ

Maksudnya: Dinikahi perempuan itu kerana empat perkara; kerana hartanya, kerana kedudukannya (status), kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Maka pilihlah yang beragama nescaya beruntunglah kamu.

(Al-Bukhari, no Hadis :5090; Muslim no hadis:1466)

Menurut adh-Dhahabi (2007), beliau menyatakan bahawa sekiranya seorang individu meramal nasibnya maka ia adalah dosa besar. Sepertimana dalam adat masyarakat Suluk iaitu adat *pag pangasawa* yang mengatakan tidak boleh melaksanakan majlis pertunangan atau pernikahan pada bulan Safar adalah bertentangan dengan syariat Islam.

Sepertimana apa yang disampaikan oleh aripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةَ وَلَا صَفَرَ وَلَا هَامَّةَ

Maksudnya: "Tidak ada penyakit yang berjangkit, tidak ada kepercayaan bahawa haiwan memberi manfaat dan mudarat, tidak ada kesialan dalam bulan Safar dan tidak ada juga kepercayaan datangnya malapetaka disebabkan burung hantu."

(al-Bukhari no Hadis: 5770; Muslim, no Hadis: 2220; Abu Daud no Hadis:3913)

Oleh yang demikian di dalam ajaran agama Islam tidak ada sebarang larangan tarikh tertentu dalam melaksanakan urusan perkahwinan. Malahan, agama Islam sendiri memberikan saranan untuk mereka yang berkemampuan dan layak untuk melaksanakan pernikahan bagi mengelakkan berlakunya sebarang fitnah. Sepertimana firman Allah SWT yang berbunyi:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.”

(al-Rum 30:21)

Proses menyerah hantaran *pag turul taima* iaitu penetapan bentuk hantaran mempunyai perbincangan dari sudut keperluan memberi wang hantaran begitu tinggi sehingga membebankan pihak lelaki. Di dalam masyarakat Suluk terdapat tiga kategori lapisan masyarakatnya iaitu bangsawan, orang biasa dan hamba.


Golongan *mataas* merujuk kepada strata yang tertinggi. Kos perbelanjaan majlis pernikahan perlu dilaksanakan sesuai dengan kategori masyarakat Suluk. Sekiranya pihak wanita itu sudahpun khatam al-Quran maka perlu pihak lelaki untuk memberikan *mahligai*. Menurut informan 2 perkara ini agak membebankan kerana ingin memenuhi adat dan kehendak keluarga pengantin perempuan sehingga sanggup berhutang. Walhal Islam sangat memudahkan urusan perkahwinan, perbelanjaan perkahwinan hanyalah pilihan dan bukan pula rukun utama dalam mendirikan rumah tangga. Walaupun syarak tidak menetapkan kadar mahar namun di sana terdapat pesanan daripada Baginda Nabi SAW agar mahar ini dipermudahkan. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda yang berbunyi:

خَيْرُ النِّكَاحِ أَيْسَرُهُ

Maksudnya: *Sebaik-baik pernikahan adalah yang dipermudahkan maharnya.*

(Ibn Hibban, no. Hadis:4072)

Ringkasnya, adat-adat pra perkahwinan yang diamalkan oleh kaum Suluk di Lahad Datu dan bercanggah dengan syariat Islam adalah seperti Rajah 2 berikut.



Rajah 2: Adat Pra Perkahwinan Yang Bercanggah Dengan Syariat Islam

Sumber: Kajian Lapangan, 2024

Kesimpulan

Proses pra perkahwinan pada dasarnya adalah sama antara satu masyarakat dengan masyarakat lain, termasuklah dalam masyarakat Suluk. Secara umumnya, proses pra perkahwinan dalam masyarakat Suluk boleh dilaksanakan selagimana tidak melanggar syarak. Namun terdapat juga amalan dan adat dalam masyarakat Suluk yang menepati syariat Islam antaranya adalah tidak menggalakkan pasangan berdua-duan diantara lelaki dan perempuan. Tambahan pula, pihak keluarga mengadakan perbincangan bagi urusan adat merisik dan meminang adalah kaedah yang baik untuk mencapai kesepakatan di antara kedua belah pihak sepertimana yang turut diamalkan dalam masyarakat-masyarakat lain. Akan tetapi, elemen-elemen yang mendorong kepada khurafat seperti kepercayaan tarikh-tarikh sial di dalam bulan Islam perlu lah dibendung, adat yang diwarisi daripada zaman nenek moyang perlu dikekalkan identitinya dengan melaksanakannya di zaman moden kini. Namun perlu dititikberatkan, amalan-amalan tersebut berdasarkan acuan yang ditetapkan di dalam agama Islam yang berpandukan kepada al-Quran dan juga al-Sunnah.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah, Fakulti Pengajian Islam (UMS), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (UMS) serta pihak Global Academic Excellence (GAE) di atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdullah, Z. & Abdullah, M. A. J. (2019). Pengikisan amalan adat perkahwinan masyarakat Bugis: Kajian Kes di Kampung Permatang Duku, Pontian, Johor. *Jurnal Melayu*, 18 (2). pp. 268-280.
- adh-Dhahabi, S. a.-D. (2007). *Al-Kabair*. Pustaka Arafah.
- Buntung, M., Ramli, M. A., & Marinsah, S. A. (2020). Kontradiksi Antara Adat dan Syariat dalam Amalan Perkahwinan Masyarakat Murut Tahol di Daerah Nabawan, Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 31(2), 47.
- Din, H. (1991). *Manusia dan Islam*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail, A. M., & AR, M. (2017). Analisis Awal Pemilihan Jodoh Kaum Lelaki di Kota Bharu, Kelantan. *Al-Hikmah*, 9(1), 3-24.
- Ismail, A. M., & Daud, M. N. B. (2013). Kajian Mengenai Adat Perkahwinan Masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Pulau Pinang, Malaysia: dari Perspektif Islam. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(2), 121–131.
- Mamat, N. (2000) *Adat Istiadat Perkahwinan Orang Melayu Lama di Melaka*. Degree thesis, UITM Melaka.
- Mariappan, K. & Porodong, P. (2012). *Murut dan Pelbagai Etnik Lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Penerbit USM.
- Mokhtar, S., Ationg, R., Zulhaimi, N. A., Muda, N., Muis, A. M. R. A., Majumah, A. S. A. R., & Bakar, A.L. A. (2021a). Pengaruh Kepimpinan Pengamal Adat Kaum Suluk dalam Ritual Kematian: Satu Tinjauan Awal di Sandakan, Sabah *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 217 - 231.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021c). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6. Issue 23. April 2021. 140-156.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M.S. (2021b). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. A. (2019). Pendekatan Dakwah Jabatan Hal Ehwan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan. *Jurnal al-Hikmah*, 11(2) 2019: 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Yazid, M.T.M., Ramlie, H.A., Muis, A.M.R.A & Pullong, A. (2022). Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan Menurut Pandangan Syarak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 1 – 17.
- Noah, S. M. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Pullong, A., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2023). Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah: Penilaian dari Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 84 – 92.
- Ramlie, H. A., Hilmi, E. E., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2022). Naratif Adat Perkahwinan Etnik Suluk di Daerah, Kudat, Sabah. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (29), 152-162.

- Rashid, M. F. (2015). Kesejahteraan Sosial dalam Memartabat Komuniti Suluk: Ruang dan Cabaran. <http://www.ums.edu.my/fksw/index.php/en/current-issue/124-kesejahteraan-sosial-dalam-memartabat-komuniti-suluk-ruang-dan-cabaran>.
- Salleh, M.K.M., Abdul Manaf, M. F., & Kamaruzaman, M. A. S. (2021). Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 144–157.
- Salleh, N. & Harun, Y. (2015). Fungsi Ritual dalam Adat Pertunangan Masyarakat Melayu. *Journal of Education Social Sciences*. Vol.1 (Jun). 228-235.
- Salleh, N. (2017) *Ritual dan simbol dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Sekincan, Selangor / Norhuda binti Salleh*. Research Report. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wawancara bersama Informan 1 berusia 49 tahun pada 2 April 2024, bertempat di Kampung Silam, Lahad Datu.
- Wawancara bersama Informan 2 berusia 53 tahun pada 2 April 2024, bertempat di Kampung Terusan Hilir, Lahad Datu.
- Wawancara bersama Informan 3 berusia 67 tahun pada 2 April 2024, bertempat di Kampung Terusan Hilir, Lahad Datu.
- Wawancara bersama Informan 4 berusia 68 tahun pada 2 April 2024, bertempat di Kampung Terusan Hilir, Lahad Datu.
- Wawancara bersama Informan 5 berusia 45 tahun pada 2 April 2024, bertempat di Kampung Terusan Hilir, Lahad Datu.